

SULIT
Prinsip
Perakaunan
Ogos – September
2025
1 ¼ jam

3756/1



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

=====
PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2025

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C dan D.***
4. *Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*


Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

- 1 Qhayla Enterprise masih merekod kos kenderaan pada harga belian iaitu RM95 000 walaupun nilai sebenar kenderaan tersebut pada 31 Disember 2024 ialah RM70 000.

Apakah prinsip dalam perakaunan yang diamalkan oleh Qhayla Enterprise?

- A Ketekalan
- B Prinsip Kos
- C Usaha Berterusan
- D Tempoh Perakaunan

- 2 Antara berikut yang manakah merupakan sebahagian daripada kitaran perakaunan yang **betul**?



- 3 Antara berikut yang manakah merupakan hasil operasi bagi Firma Guaman Waffiyah & Co.?

- A Hasil Jualan
- B Dividen pelaburan
- C Yuran perkhidmatan
- D Faedah simpanan tetap

- 4 Encik Hasan membayar RM7 800 kepada pembekal Beras Wangi dengan cek. Beliau menerima diskaun tunai sebanyak RM230.

Apakah kesan urus niaga tersebut ke atas persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	RM7 800	RM8 030	(RM230)
B	RM8 030	RM7 800	(RM230)
C	(RM7 800)	(RM7 800)	RM230
D	(RM7 800)	(RM8 030)	RM230

5 Dokumen di bawah diambil daripada Kedai Buku Eirbah.

RESIT RASMI Maju Jaya Ent. Lot. 23, Jalan BBN 2/3, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, N.Sembilan 06-799 000	ASAL No: RR1902 Tarikh: 17 Ogos 2025
Diterima daripada : Kedai Buku Eirbah	
Sebanyak : Satu ribu enam ratus lapan puluh ringgit. (Diskaun RM80)	
Untuk Bayaran : Bayaran sebahagian invois	
RM1 680.00	
Tunai/No. Cek: MB688019	
Syazani (Pengurus)	

Catatan yang manakah betul dalam Jurnal Pembayaran Tunai?

- A

Jurnal Pembayaran Tunai

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Diskaun	Akaun Belum Bayar	Belian
2025		RM	RM	RM	RM	RM
Ogos 17	Maju Jaya Ent.	1 680		80	1 680	
- B

Jurnal Pembayaran Tunai

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Diskaun	Akaun Belum Bayar	Belian
2025		RM	RM	RM	RM	RM
Ogos 17	Maju Jaya Ent.	1 680		80		1 680
- C

Jurnal Pembayaran Tunai

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Diskaun	Akaun Belum Bayar	Belian
2025		RM	RM	RM	RM	RM
Ogos 17	Maju Jaya Ent.		1 680	80	1 680	
- D

Jurnal Pembayaran Tunai

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Diskaun	Akaun Belum Bayar	Belian
2025		RM	RM	RM	RM	RM
Ogos 17	Maju Jaya Ent.		1 680	80		1 680

- 6 Pernyataan manakah yang **benar** berkaitan dengan diskaun niaga?
- A Menggalakkan pembelian secara pukal
 - B Menggalakkan pembelian semasa promosi
 - C Menggalakkan pembayaran hutang dengan segera
 - D Menggalakkan potongan harga daripada harga invois
- 7 Antara berikut yang manakah merupakan dokumen yang disediakan oleh penjual sebelum barangan dihantar kepada pembeli?
- A Invois
 - B Baucar tunai
 - C Pesanan belian
 - D Folio pelanggan

- 8 Pilih pasangan yang **betul** untuk merekod urus niaga dalam Buku Catatan Pertama.

	Urus niaga	Buku Catatan Pertama
A	Menerima invois daripada pembekal barang niaga	Jurnal Belian
B	Menerima resit rasmi daripada Akaun Belum Terima	Jurnal Jualan
C	Menerima nota kredit kerana pemulangan barang rosak	Jurnal Pulangan Jualan
D	Menerima nota debit kerana berkurangan caj dalam invois	Jurnal Pulangan Belian

- 9 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Setia.

	RM
Lengkapan (kos)	70 000
Susut nilai terkumpul lengkapan	25 000
Untung atas pelupusan lengkapan	4 500

Hitungkan harga pelupusan lengkapan tersebut.

- A RM40 500
- B RM45 000
- C RM49 500
- D RM74 500

- 10 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Ali Shah Enterprise.

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Folio	No. Dokumen	Jumlah
2025				RM
Feb 19	Perniagaan Sarah		INV 0048/2	2 300
23	Perniagaan Eirsyad		INV 3010	4 672
28	Akaun Belian			6 972

Pilih catatan yang betul pada 28 Feb 2025.

A Akaun Belian

		RM
	Akaun Belum Terima	6 972

B Akaun Belian

Akaun Belum Terima	RM 6 972	
--------------------	-------------	--

C Akaun Belian

		RM
	Akaun Belum Bayar	6 972

D Akaun Belian

Akaun Belum Bayar	RM 6 972	
-------------------	-------------	--

- 11 Berikut merupakan petikan Imbangan Duga Perniagaan Zahari

Imbangan Duga pada 31 Disember 2024

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Pulangan	870	
Diskaun		535

Apakah butiran yang ditunjukkan dalam Imbangan Duga tersebut?

- A** Pulangan Belian dan Diskaun Diberi
B Pulangan Belian dan Diskaun Diterima
C Pulangan Jualan dan Diskaun Diberi
D Pulangan Jualan dan Diskaun Diterima

- 12 Kesilapan berikut telah dilakukan oleh kerani akaun Perabot Mega Enterprise.

Belian komputer RM2 500 telah direkodkan sebagai belian barang niaga

Pilih Jurnal Am yang betul untuk membetulkan kesilapan yang berlaku.

	Debit	Kredit
A	Belian	Alatan pejabat
B	Alatan pejabat	Belian
C	Inventori	Alatan pejabat
D	Alatan pejabat	Inventori

- 13 Petikan Buku Tunai berikut diambil daripada sebuah perniagaan.

Dt		Buku Tunai (petikan)			Kt
Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2025		RM	RM	RM	
Mac 19	Mizie Enterprise	200		6 880	
25	Jualan		1 200		
28	Kedai Raju	56		2 500	

Catatan diskaun dalam lejar yang manakah **betul**?

A	Akaun Diskaun Diberi			
	2025		RM	
	Mac 31	Akaun Belum Terima	56	
B	Akaun Diskaun Diberi			
	2025		RM	
	Mac 31	Akaun Belum Terima	200	
C	Akaun Diskaun Diberi			
	2025		RM	
	Mac 31	Akaun Belum Terima	256	
D	Akaun Diskaun Diberi			
	2025		RM	
	Mac 31	Mizie Enterprise	200	
		Kedai Raju	56	

- 14 Antara berikut catatan bergu manakah yang **betul** bagi merekod Hutang Lapuk Terpulih?

	Debit	Kredit
A	Akaun Belum Terima	Hutang Lapuk Terpulih
B	Hutang Lapuk Terpulih	Akaun Belum Terima
C	Tunai	Hutang Lapuk Terpulih
D	Hutang Lapuk Terpulih	Tunai

- 15 Maklumat berikut diambil daripada buku Pasaraya Sherry pada 31 Julai 2025.

	RM
Alatan Pejabat	3 000
Akaun Belum Bayar	3 400
Gaji	8 000
Pinjaman	10 000

Antara berikut catatan manakah yang betul dalam Imbangan Duga?

A	Imbangan Duga pada 31 Julai 2025 (petikan)			
	RM		RM	
	Alatan Pejabat	3 000	Gaji	8 000
	Akaun Belum Bayar	3 400	Pinjaman	10 000

B	Imbangan Duga pada 31 Julai 2025 (petikan)			
	RM		RM	
	Alatan Pejabat	3 000	Akaun Belum Bayar	3 400
	Gaji	8 000	Pinjaman	10 000

C	Imbangan Duga pada 31 Julai 2025 (petikan)			
	RM		RM	
	Alatan Pejabat	3 000	Gaji	8 000
	Pinjaman	10 000	Akaun Belum Bayar	3 400

D	Imbangan Duga pada 31 Julai 2025 (petikan)			
	RM		RM	
	Pinjaman	10 000	Gaji	8 000
	Akaun Belum Bayar	3 400	Alatan Pejabat	3 000

- 16 Butiran yang manakah akan direkodkan dalam Akaun Untung Rugi?
- A Pulangan masuk
 - B Pulangan keluar
 - C Angkutan masuk
 - D Angkutan keluar
- 17 Butiran manakah direkod sebagai aset semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan?
- I Promosi prabayar
 - II Komisen belum terima
 - III Sewa belum terperoleh
 - IV Kadar bayaran belum bayar
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 18 Jualan barang niaga sebanyak RM4 200 kepada Azue telah direkodkan ke dalam Akaun Azie. Apakah jenis kesilapan tersebut?
- A Kesilapan prinsip
 - B Kesilapan komisen
 - C Kesilapan songsang
 - D Kesilapan ketinggalan

- 19 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Romie.

	RM
Belian kredit	40 000
Jualan kredit	56 000
Akaun Belum Bayar	10 000
Akaun Belum Terima	8 000

Hitungkan tempoh pembayaran hutang.

- A 14 hari
- B 25 hari
- C 53 hari
- D 92 hari

- 20 Encik Hassan ingin membuat keputusan sama ada ingin melabur dengan Syarikat Ahmad atau Syarikat Salman.

Apakah nisbah yang boleh membantunya untuk membuat keputusan?

- A Nisbah semasa
- B Pulangan atas modal
- C Tempoh kutipan hutang
- D Kadar pusing ganti inventori

- 21 Antara berikut yang manakah menunjukkan amalan rekod tak lengkap?

- A Semua urusan niaga direkod dalam satu catatan sahaja
- B Sistem catatan bergu digunakan untuk merekod urusan niaga
- C Semua dokumen perniagaan telah disimpan secara sistematik
- D Semua catatan direkod dengan betul dalam Buku Catatan Pertama

- 22 Encik Ramesh tidak mengamalkan sistem catatan bergu dalam merekod buku perakaunannya. Berikut ialah maklumat yang diperolehi dari buku perakaunan beliau.

	RM
Modal pada 1 Januari 2024	27 400
Modal pada 31 Disember 2024	33 700
Modal Tambahan	5 000

Berapakah ambilan Encik Ramesh sepanjang tahun 2024 jika perniagaannya mengalami keuntungan sebanyak RM8 200?

- A RM3 200
- B RM6 300
- C RM6 900
- D RM9 500

- 23 Perkara manakah yang menyebabkan baki di Penyata Bank lebih besar daripada baki di Buku Tunai?

- A Cek bertanda “Rujuk Penyuruh Bayar”
- B Deposit yang belum dikreditkan oleh pihak bank
- C Caj bank yang belum direkodkan ke dalam Buku Tunai
- D Cek yang telah dikeluarkan oleh peniaga tetapi belum dikemukakan ke bank

- 24 Petikan Buku Tunai dan Penyata Bank berikut diperoleh daripada Kedai Jihan.

Buku Tunai (Ruangan Bank)

	2025	RM
	Feb 2	Seha (No. Cek 206125) 2 500

Penyata Bank (petikan)

Tarikh	Butir	No.cek	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
2025 Feb 6	Cek	206125		2 500	

Apakah catatan yang perlu dibuat dalam Buku Tunai untuk membetulkan kesilapan tersebut?

- A Debit RM2 500
 B Debit RM5 000
 C Kredit RM2 500
 D Kredit RM5 000
- 25 Encik Roy telah menyediakan Belanjawan Tunai perniagaannya untuk tempoh 3 bulan berakhir 31 Disember 2024.
- Jualan bulan Oktober dianggarkan berjumlah RM80 000 dan dijangka meningkat 10% setiap bulan. 30% daripadanya merupakan jualan kredit dan diberi tempoh sebulan kredit.
- Hitung anggaran bayaran diterima dari Akaun Belum Terima pada bulan Disember.
- A RM96 800
 B RM94 160
 C RM67 760
 D RM26 400
- 26 Pada 1 Jun 2025, Syarikat Mahfuzan Berhad menerbitkan 1 500 000 Syer Biasa berharga RM1.00 sesyer kepada orang ramai.

Pilih catatan bergu untuk merekod urus niaga pada tarikh tersebut.

	Debit	Kredit
A	Permohonan Syer Biasa	Bank
B	Permohonan Syer Biasa	Modal Syer Biasa
C	Modal Syer Biasa	Permohonan Syer Biasa
D	Bank	Permohonan Syer Biasa

- 27 Maklumat berikut diambil daripada Perkongsian TWC pada 31 Disember 2024.

	RM
Ambilan Taufiq:	
1 Januari 2024	1 800
1 Julai 2024	1 800
Faedah atas ambilan	5 %

Hitungkan Faedah atas ambilan Taufiq yang ditunjukkan dalam Akaun Semasa.

- A RM45
B RM90
C RM135
D RM180
- 28 Belanjawan tunai yang berikut diambil daripada Zehra Enterprise bagi bulan Jun 2025.

	RM
Baki awal	(2 450)
Penerimaan	20 900
Pembayaran	13 520

Berapakah lebihan atau kurangan?

- A Lebihan RM4 930
B Kurangan RM4 930
C Lebihan RM7 380
D Kurangan RM7 380
- 29 Berikut adalah pernyataan tentang perbelanjaan hasil bagi sesebuah kelab dan persatuan.

Bayaran sagu hati yang dibayar kepada ahli jawatankuasa kelab dan persatuan atas sumbangan yang telah diberikan.

Apakah perbelanjaan tersebut?

- A Gaji
B Derma
C Honorarium
D Upah pekerja

- 30 Maklumat berikut diperoleh dari buku Perkongsian Kim dan Zoe.

Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2025

	RM		RM
Faedah atas modal Kim	1 200	Untung bersih	20 800
Faedah atas modal Zoe	2 200		

Maklumat Tambahan :

- Mereka bersetuju membahagikan untung dan rugi mengikut nisbah 1:3

Hitungkan kongsi untung Zoe.

- A** RM13 050
B RM13 950
C RM15 600
D RM17 400

- 31 Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Zul dan Arifin.

	RM
Jumlah aset	85 000
Jumlah liabiliti (diskaun diterima RM500)	6 300
Bil elektrik baru dijumpai	2 200
Aset yang direalis	67 000

Hitungkan jumlah Untung atau Rugi Realisasi.

- A** RM19 700 Rugi
B RM26 000 Rugi
C RM19 700 Untung
D RM26 000 Untung

- 32 Apakah tujuan Akaun Pengeluaran disediakan?

- A** Mengira titik pulang modal
B Merancang pengurusan pengeluaran
C Menentukan untung atau rugi pengeluaran
D Menunjukkan kos yang terlibat dalam pengeluaran

- 33 Pekongsi Liza telah menjelaskan baki Akaun Belum Bayar berjumlah RM8 000 semasa perkongsian dibubarkan.

Apakah catatan jurnal yang terlibat untuk menunjukkan urus niaga berikut?

	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
A	Akaun Belum Bayar	8 000	
	Akaun Bank		8 000
B	Akaun Belum Bayar	8 000	
	Akaun Modal Liza		8 000
C	Akaun Bank	8 000	
	Akaun Belum Bayar		8 000
D	Akaun Modal Liza	8 000	
	Akaun Belum Bayar		8 000

- 34 Maklumat berikut berkaitan syer yang dibeli oleh Encik Sulaiman daripada Syarikat Sinar Bhd.

31 Januari 2025: Belian 25 000 unit 6% Syer Keutamaan RM2 sesyer.

31 Julai 2025 : Lembaga Pengarah telah membayar dividen interim Syer Keutamaan.

Tahun kewangan Syarikat Sinar Bhd. berakhir 31 Disember setiap tahun.

Berapakah dividen akhir?

- A** RM1 250
B RM1 500
C RM1 750
D RM3 000
- 35 Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Sofbol Juara pada 1 Januari 2025.

	RM
Alatan sukan	2 530
Tunai	1 130
Yuran belum terperoleh	130
Inventori bola sofbol	840

Berapakah dana terkumpul pada tarikh tersebut?

- A** RM2 690
B RM2 950
C RM4 370
D RM4 630

- 36 Berikut adalah Akaun Yuran Kelab Memancing Taman Setia pada 30 Jun 2025.

Akaun Yuran					
2025			2025		
		RM			RM
Jun 30	Pendapatan dan	5 980	Jun 30	Bank	6 220
	Perbelanjaan			Yuran lapuk	120
	R	360			
		6 340			6 340

Apakah **R**?

- A Yuran prabayar
 B Yuran belum bayar
 C Yuran belum terima
 D Yuran belum terperoleh
- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Roti Segar.

	RM
Kerja dalam proses awal	9 800
Belian bahan langsung	173 925
Sewa kilang	3 050
Buruh langsung	29 200
Kerja dalam proses akhir	11 300

Berapakah kos pengeluaran?

- A RM204 675
 B RM206 175
 C RM207 675
 D RM215 975
- 38 Apabila seorang pengurus membuat analisis kos volum untung, apakah maklumat yang akan diperoleh?
- A Jumlah jualan yang diperlukan bagi menstabilkan harga
 B Jumlah jualan yang perlu dicapai untuk mendapat keuntungan
 C Jumlah unit yang perlu dikeluarkan untuk memenuhi permintaan
 D Jumlah unit pengeluaran bagi memaksimumkan penggunaan mesin

- 39 Perniagaan Rahmad memberikan maklumat berkaitan pengeluaran meja plastik untuk kegunaan sekolah.

	RM
Kos tetap	10 200
Margin caruman seunit	30
Harga jualan seunit	50

Berapakah titik pulang modal Perniagaan Rahmad?

- A 146 unit
B 204 unit
C 340 unit
D 510 unit
- 40 Kilang Rifqi telah mengeluarkan kerepek keledak yang dijual di pasaran dengan harga RM6 sepeket. Kos yang terlibat dalam pengeluaran kerepek tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Kos tetap	12 000
Kos berubah sepeket	2.50
Jumlah pengeluaran	8 000 peket

Berapakah untung sasaran yang diperolehi Kilang Rifqi?

- A RM8 000
B RM16 000
C RM36 000
D RM40 000

KERTAS SOALAN TAMAT